



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

SIARAN MEDIA

KBS ANJUR SEMINAR AGROBELIA LESTARI TAHUN 2023

1. YB Adam Adli Abd Halim, Timbalan Menteri Belia dan Sukan telah merasmikan Seminar Agrobelia Lestari 2023 bertempat di Dewan Serbaguna, Podium A, Menara KBS, Putrajaya hari ini.
2. Seminar yang julung kali dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negara dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan diadakan untuk meningkatkan penglibatan golongan belia meneroka bidang pertanian yang merupakan salah satu sektor penting dalam menyumbang kepada ekonomi negara. Seramai 200 orang belia telah menyertai seminar pada hari ini.
3. Pelbagai pengisian menarik diadakan dalam seminar hari ini, antaranya:
 - i. Perkongsian Usahawan Belia Berjaya;
 - ii. Perkongsian Bersama Agensi;
 - iii. Pameran dan Khidmat Agensi;
 - iv. Jualan Usahawan Pertanian;
 - v. Jualan Produk dari Komuniti Orang Asli; dan
 - vi. Jom Makan Buah-Buahan Tempatan
4. Melalui seminar ini, golongan belia berpeluang mendapatkan pelbagai ilmu berkaitan pertanian seperti peluang untuk belia menerokai bidang

pertanian, mengetahui cara dan kaedah menjalankan projek pertanian, mendapat maklumat berkenaan tawaran padanan geran serta dana pertanian serta mengetahui isu semasa berkaitan hala tuju belia dalam pertanian.

5. KBS berhasrat dengan usaha seperti ini, projek-projek pertanian dapat dibangunkan melalui khidmat bimbingan, sokongan dan kemudahan daripada agensi-agensi yang berkaitan bagi melahirkan lebih ramai belia berkecimpung dalam sektor pertanian seterusnya menjadikan bidang pertanian sebagai salah satu cabang penciptaan pekerjaan bagi menjana pendapatan.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

5 OGOS 2023